

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.  
MAHATHIR [JERLUN]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 97:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai pengagihan sumbangan RM50 juta untuk sekolah-sekolah tafhib. Apakah kriteria yang melayakkan sekolah tafhib menerima sumbangan tersebut. Adakah JAKIM ataupun pihak Menteri bercadang menyediakan kurikulum untuk sekolah pondok, sekolah agama rakyat dan tafhib supaya para pelajarnya dapat menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa berusaha untuk memajukan institusi pendidikan tafhib dengan membantu dari segi infrastruktur, penyelenggaraan dan naik taraf bangunan institusi tafhib berkenaan. Pada tahun 2017, Kerajaan telah memperuntukkan RM30juta untuk penyelarasaran Dasar Pendidikan tafhib Negara (DPTN). Kesinambungan itu, pada tahun 2019, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM50 juta secara one-off kepada 908 buah institusi tafhib berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf

bangunan serta infrastrukturnya. Institusi tahfiz yang memenuhi kriteria berikut layak menerima peruntukan tersebut:

- (a) Berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri-Negeri;
- (b) Memasukkan data dengan lengkap dalam Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI);
- (c) Individu atau organisasi pemilik institusi adalah warganegara Malaysia;
- (d) Penama akaun institusi bukan penama individu.
- (e) Mempunyai pelajar 15 orang dan ke atas.
- (f) Menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama.

Berkenaan aspek kurikulum untuk Sekolah Agama Rakyat dan tahfiz, Kerajaan melalui JAKIM dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan kurikulum yang bersesuaian dengan aliran pendidikan tersebut dengan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2014 dan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) mulai tahun 2015. Di bawah Teras 3 DPTN juga, tiga model kurikulum telah dicadangkan iaitu:

- (a) Kurikulum Tahfiz Turath;
- (b) Kurikulum Tahfiz Bersepadu; dan
- (c) Kurikulum Tahfiz dan Kemahiran

Pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut memperkenalkan mata pelajaran Tahfiz al-Quran dengan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai tahun 2020.

Sekian, terima kasih.